

Atlet pencak silat unggul anugerah sukan USIM

SEREMBAN 14 Okt. - Dua atlet pencak silat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati pada Majlis Anugerah Sukan USIM 2013 yang diadakan di Dewan Besar USIM, dekat sini baru-baru ini.

Majlis anjuran Pusat Sukan USIM itu menyaksikan penuntut Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Mohd Ali Imran Che Hashim dipilih sebagai Olahragawan USIM 2013, manakala Nurul Amalina Subkhi, penuntut Fakulti Syariah dan Undang-undang pula menerima anugerah Olahragawati USIM 2013.

Anugerah itu disampaikan atas prestasi cemerlang Mohd Ali Imran yang menyumbang pingat perak dalam Kejohanan Silat Majlis Sukan Universiti-universiti Malaysia (Masum) 2013, manaka-

la Nurul Amalina menggondol pingat emas dalam Kejohanan Silat Piala Timbalan Perdana Menteri.

Sebanyak 20 anugerah disampaikan pada majlis berkenaan yang merupakan platform bagi menghargai sumbangan dan komitmen warga USIM yang mempamerkan kecemerlangan dari segi prestasi serta pencapaian dalam pembangunan sukan di USIM sepanjang tahun lalu di peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Sementara itu bagi kategori kakitangan, Norizat Nordin dari Jabatan Keselamatan USIM terpilih untuk menerima anugerah olahragawan, manakala Wan Azura Radzuan dari Jabatan Perpustakaan dipilih untuk menerima Anugerah Olahragawati Staf USIM 2013.

Norizat merupakan atlet Bola Tampar yang menghadihkan pingat gangsa dalam Kejohanan Bola Tampar Majlis Sukan Kakitangan Kerajaan (MAKSAK) 2013 dan Wan Azura kini berstatus Master Tenpin Boling dalam Kejohanan Sukan Kakitangan Universiti-universiti Malaysia (Sukum).

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, anugerah itu adalah sebagai menyahut saranan Kementerian Pendidikan dalam melahirkan 'Thinking Athletes' yang merupakan tunjang utama dalam meningkatkan sahsiah penuntut yang seimbang dalam akademik dan sukan.

"Pengiktirafan dan penghargaan Majlis Anugerah sebegini, diharapkan para atlet sukan USIM akan dapat meneruskan ke-

cemerlangan dan pencapaian terbaik serta memberikan saingan yang lebih sengit kepada institusi pengajian tinggi lain," katanya.

Antara anugerah lain yang disampaikan dalam majlis tersebut termasuk Anugerah Khas Pencapaian Cemerlang 2012, Anugerah Bintang Harapan, Anugerah Pengurus Terbaik, Anugerah Jurulatih Terbaik, Anugerah Pasukan Terbaik dan Anugerah Pasukan Harapan.

Pada majlis sama, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Abdul Shukor Husin diberikan penghargaan Anugerah Tokoh Sukan atas komitmen tinggi beliau yang sentiasa memberi sokongan, kerjasama dan membantu pembangunan sukan di USIM khususnya ketika menjadi Naib Canselor USIM.